

04/02/1997

Kelantan sedia kemuka idea atasi masalah

KOTA BHARU, Isnin - Kerajaan Pas Kelantan sedia menyertai majlis perbincangan bersama tokoh agama Rabu ini bagi mencari jalan menangani gejala sosial membabitkan anak muda di kawasan Lembah Klang.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata perjumpaan itu dianggap penting kerana penyelesaian masalah yang melanda remaja adalah tanggungjawab bersama tanpa mengira fahaman politik.

"Saya sedia menyertai perjumpaan itu jika diminta berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas berucap di majlis penyampaian juadah hari raya untuk anggota pasukan keselamatan di bilik gerakan Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai pandangannya berhubung cadangan Kerajaan Pusat untuk mengadakan suatu majlis perbincangan membabitkan tokoh agama bagi menangani gejala sosial yang melanda anak muda di Lembah Klang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataannya di Pulau Pinang kelmarin berkata, majlis itu akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nik Abdul Aziz berkata, secara peribadi beliau dan kerajaan negeri menyokong usaha murni Kerajaan Pusat bagi mencari penyelesaian masalah itu.

Menurutnya, sudah sampai masa bagi kerajaan memandang serius gejala sosial yang menimpa anak muda di negara ini seperti terbabit dalam budaya punk, penyalahgunaan dadah dan kegiatan maksiat.

"Malah, usaha ini dianggap sudah terlewat. Bagaimanapun, sebarang usaha bagi menyekat gejala yang lebih buruk menimpa masyarakat hari ini amat dialu-alukan.

"Sebab itu, kerajaan negeri sejak awal lagi mengambil tindakan menutup semua pusat hiburan, termasuk kelab malam, karaoke, pusat video dan snuker," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, langkah kerajaan mensyaratkan pusat hiburan beroperasi sehingga jam 12 tengah malam tidak akan dapat mengatasi masalah sosial itu sepenuhnya.

Malah, beliau mencadangkan pusat hiburan itu ditutup terus kerana selagi wujud ia hanya memberi keuntungan kepada pengusaha atau tauke pusat itu sahaja.

(END)